

05 SEP 1998

TEKS KETUA PENERANGAN UMNO MENGENAI ISU DATUK SERI ANWAR IBRAHIM

KUALA TERENGGANU, 5 Sept (Bernama) -- Berikut teks penuh Ketua Penerangan UMNO Datuk Dr Yusof Nor berhubung pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan serta pemecatannya daripada UMNO yang dibacakan pada sidang media di RTM Kuala Terengganu hari ini:

"UMNO sebagai sebuah parti yang memperjuangkan maruah dan martabat bangsa sentiasa merasa bertanggungjawab untuk memelihara kemurnian perjuangan dari semasa ke semasa dan keselamatan kepimpinan daripada menjadi cemuan rakyat akibat perlakuan perkara yang sumbang dan keji.

Oleh kerana itu perlulah dijelaskan kepada masyarakat umum sekadar yang mungkin tentang sedikit senario peristiwa pelucutan jawatan dan keahlian Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam UMNO dengan tujuan antara lain untuk menghapuskan sebarang kekeliruan yang mungkin timbul dan menyatakan kebenaran serta menghapuskan kebatilan dan andaian-andaian yang mungkin terjadi akibat daripada dorongan perasaan, kejahilan, salah faham dan buruk sangka terhadap pemimpin.

UMNO bukanlah sebuah mahkamah yang menjatuhkan hukuman mengikut amalan perundangan tetapi ia bertindak di atas kapasitinya sebagai sebuah organisasi yang sangat sensitif dengan maruah ahli dan kesucian perjuangannya.

Sesuai dengan ajaran Islam, YAB Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden parti sentiasa berusaha mengawal sekadar yang termampu untuk menutup keaiban peribadi seseorang kecuali apabila keaiban itu sudah terlalu sukar dikawal sehingga di sebaliknya orang ramai menganggap usaha menutupnya boleh bertukar menjadi keaiban yang lebih besar.

UMNO pada mulanya tidak berminat untuk melayan berita-berita mengenai skandal Dato' Seri Anwar Ibrahim di atas andaian bahawa itu hanyalah satu rekaan dan hasil perbuatan hasad dengki. Maklumat-maklumat di sekitarnya terus diketepikan dan YAB Dato' Seri Dr Mahathir terus menunjukkan keyakinan kepada timbalannya pada masa itu dan berulang-ulang kali menegaskan bahawa dialah bakal penggantinya. Kemuncak kepercayaan itu ialah apabila YAB Dato' Seri Dr Mahathir melantiknya menjadi Pemangku Perdana Menteri selama beberapa bulan. Malangnya di tengah-tengah kemuncak kepercayaan ini, YAB Dato' Dr Mahathir telah berhadapan dengan kenyataan-kenyataan dan pendedahan yang bertubi-tubi datang sehingga menjadi sangat sukar untuk mengeneipkan dan menolak isu skandal Dato' Seri Anwar Ibrahim. Bahkan sekiranya ia dibiarkan tentu akan boleh memudaratkan imej parti, bangsa dan negara.

Oleh yang demikian UMNO tidak ada pilihan yang lain lagi selain daripada mengambil satu sikap dan pendirian yang tegas mengenai isu ini atas dasar tanggungjawab dan amanah yang dipikul. Dengan perasaan yang berat barisan pimpinan parti terpaksa melalui proses penentuan antara kebenaran dan kebatilan walaupun yang terlibat itu seorang rakan sebangsa, seagama dan sama seperjuangan. Pucuk pimpinan parti bersama-sama dengan seluruh Ahli Majlis Tertinggi terpaksa mengeneipkan perasaan dan berdiri di atas landasan kebenaran dan realiti masalah lalu memutuskan untuk mengorbankan pangkat Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam kerajaan dan keahliannya dalam parti di atas nama kesucian perjuangan dan pemeliharaan terhadap maruah parti.

Perlu ditegaskan bahawa maklumat yang diterima sangat sukar ditolak

adalah kerana bahan bukti bukan hanya berpunca dari seorang malah ia datang dari beberapa ramai orang yang setelah diselidik terdapat asas-asas yang kukuh dan munasabah. Allah mengetahui segala-galanya. Kepada Allah kita berserah dan kita hanya berkewajipan berusaha membetulkan keadaan berdasarkan kenyataan dengan harapan supaya Allah menyelamatkan kita semua daripada menjadi mangsa perbuatan yang keji dan amalan yang tidak diredhai.

Khusus kepada ahli-ahli UMNO dan penyokong UMNO, parti mengharapkan supaya mereka dapat memahami masalah ini sedalam-dalamnya. Ketepikan perasaan, tingkatkan perpaduan dan anggapkanlah peristiwa ini sebagai proses pembersihan dalam barisan Kepimpinan Parti yang dipelopori oleh YAB Dato' Seri Dr Mahathir.

Kalau tidak kerana cintakan kepada perjuangan tentulah kita tidak menambah bebanan kerja kita dengan isu ini kerana isu ekonomi negara yang sedia kita hadapi kini sudah pun merupakan bebanan yang besar bagi kita. Tetapi walaupun bebanan yang sedia ada itu sudah begitu berat, kita mahu tidak mahu terpaksa pula memikul tanggungjawab memelihara maruah perjuangan kita.

Mudah-mudahan pendekatan UMNO sebegini akan terus menjadi Warisan Perjuangan untuk memelihara dan menjamin masa depan yang lebih gemilang. Walaupun yang terpaksa ditelan itu pahit rasanya tetapi ia sangat besar gunanya dan manis juga akhirnya. Semoga Allah memberi kekuatan kepada kita untuk menegakkan kebenaran.

Jabatan Penerangan UMNO Malaysia."

-- BERNAMA

SBS KHY